

empat

20-08-2017

Meor Ridwan Meor Ahmad  
mrldwan@metro.com.my

Langkawi

**P**erdana Menteri Datuk Seri Najib Razak melancarkan Projek Perumahan Rakyat (PPR) bernilai RM247 juta membabitkan 1,000 unit kediaman yang akan dibina di Kuah dan Ulu Melaka, di sini, semalam.

Najib berkata projek perumahan itu yang dijangka siap pada 2019 kini di peringkat pelaksanaan dengan kontraktor sudah dilantik untuk memulakan kerja.

Menurutnya, projek itu bukti jelas keprihatinan kerajaan yang mendengar desu nadi masyarakat khususnya soal kekurangan kediaman mampu milik di kawasan terbabit.

"Projek PPR Ulu Melaka meliputi dua blok manakala di Kuah, tiga blok dan masing-masing setinggi 11 tingkat. Kerajaan akan perkenalkan konsep sewa dan beli untuk kemudahan rakyat di pulau ini yang tidak semuanya ada pernyata gaji untuk membuat pinjaman perumahan," katanya ketika berucap pada Majlis Program Pemimpin Bersama Rakyat dan Majlis Pelancaran Perumahan PPR dan Jer Nelayan Chenang di Dewan Pamer Antarabangsa Mahsuri (MIEC), hari ini.

Hadir sama, Menteri Besar

NAJIB bersama Ahmad Bashah (empat dari kanan) melihat replika projek PPR, semalam.



# BINA 1,000 UNIT KEDIAMAN

PM lancar PPR di Langkawi bernilai RM247 juta

Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah.

Mengulas lanjut Najib berkata, projek PPR berkenaan tiada dalam bajet kerajaan, namun disebabkan rayuan Ahli Parlimen Langkawi Datuk Ir Nawawi Ahmad dan disokong Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Hangat Datuk Mohd Rawi Abdul Hamid serta ADUN Kuah Nor Sidi Nanyan, kerajaan meluluskannya selepas berbincang dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, beliau amat mengambil berat masa depan Langkawi dan komited terus melaksanakan pemba-

ngunan selama mana kerajaan Barisan Nasional (BN) memerintah.

Langkawi katanya, akan dibangunkan sebagai pulau bertaraf dunia yang akan menjadi kebanggaan penduduk Langkawi dan seluruh negara.

"Hari ini (semalam) saya juga lancarkan Projek Jeri Nelayan Chenang bernilai RM9.16 juta yang saya luluskan sebelum ini dan bakal memberi manfaat kepada 400 nelayan.

"Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)

sudah melawat jeri ini, hari ini (semalam).

"Nelayan di Pulau Langkawi ini pukul rata, dapat RM2,000 sebulan. Ada yang mencecah RM3,000 tetapi tidak

**FAKTA**  
Projek perumahan dijangka siap pada 2019

kurang RM1,500 sebulan dan kita tambah lagi RM300 sebulan sumbangan kerajaan kita kepada nelayan. Kita juga akan teruskan pembayaran BRIM (Bantuan Rakyat Malaysia) yang mana untuk Langkawi ini saja 2,700 keluarga menerimanya dengan nilai RM20 juta setahun," katanya.

Sementara itu, Perdana

Menteri berkata, kerajaan BN akan terus mempertahankan status pulau bebas cukai di Nikmati Langkawi ketika ini.

"Kita akan pertahankan sampai bila-bila, selagi UMNO masih terus berkuasa, malah kita akan tambah dengan projek lain.

"Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi saya luluskan RM89 juta untuk projek pembesaran," katanya.

Bellau berkata, kerajaan juga meluluskan peruntukan RM5 juta untuk menaik taraf jalan kampung di Langkawi selain menggalakkan semua teksi di pulau itu beralih kepada perkhidmatan teksi Uber dan GrabCar dengan subsidi RM5,000 bagi setiap pembelian kereta.